



How to cite this article:

Wan Azimin Wan Adnan, Ahmad Hidayat Buang & Zubaidi Sulaiman. (2022). Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes-kes hartanah melalui pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(2), 345-371. <https://doi.org/10.32890/uumjls2022.13.2.14>

PEMERKASAAN PELAKSANAAN SULH DALAM KES-KES HARTANAH MELALUI PEMAKAIAAN ARAHAN AMALAN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

(Enhancement on the Application of Sulh in Real Property Cases through Practice Directions in Malaysian Shariah Courts)

¹Wan Azimin Wan Adnan, ²Ahmad Hidayat Buang & ³Zubaidi Sulaiman

^{1,2&3}Jabatan Syariah dan Undang-Undang
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia

¹Corresponding author: wanaziminlawyer72@gmail.com

Received: 5/2/2021 Revised: 29/12/2021 Accepted: 12/1/2022 Published: 21/7/2022

ABSTRAK

Pemakaian Arahan Amalan membantu pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah pada penyediaan proses kerja bermula daripada pendaftaran kes hingga perintah penghakiman persetujuan dikeluarkan. Kajian ini meneliti kedudukan dan pemakaian Arahan Amalan dalam pelaksanaan sulh dalam kes-kes hartanah di Mahkamah Syariah. Data kajian ini terdiri daripada sumber primer seperti statut, Arahan-Arahan Amalan, penghakiman kes-kes, temubual dan sumber sekunder seperti penulisan di dalam artikel jurnal dan buku. Analisis kandungan secara deskriptif digunakan bagi menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. Kajian ini mendapati pemakaian Arahan Amalan menyediakan garis panduan kepada pegawai sulh dan hakim

syarie menjalankan tugas mereka secara berkesan. Namun melalui analisis penghakiman kes yang diputuskan, Arahan Amalan ke arah pemerkasaan pelaksanaan sulh khususnya dalam penyelesaian kes hartanah masih perlu ditambah baik dalam mendepani cabaran semasa, isu perundangan dan pentadbiran. Implikasi kajian ini dapat memantapkan aspek proses penghakiman dan pengurusan kes dalam Mahkamah Syariah di Malaysia.

Kata kunci: Sulh, arahan amalan, Mahkamah Syariah, kes hartanah, pengurusan kes.

ABSTRACT

The application of practice directions assists the implementation of sulh in the Syariah Courts in the preparation of work processes starting from case registration until the issuance of consent judgement order. This study examined the position and application of practice directions in the implementation of sulh with regard to real estate in the Syariah Courts. The data of this study was based on primary sources such as statutes, practice directions, judgement of cases, interviews and secondary sources such as journal articles and books. Descriptive content analysis was used to analyze the data collected. This study found that the application of practice directions serves as guidelines for sulh officers and syarie judges to conduct their duties effectively. Despite this, by using content analysis of the case decided, it was found that practice directions in empowering sulh implementation needs to be improved to deal with current challenges, including legal and administrative issues. The implications of this study can help strengthen aspects of judgement and case management processes in the Malaysian Syariah Courts.

Keywords: *Sulh, practice directions, Syariah Courts, real estate cases, case management.*

PENGENALAN

Sulh telah menjadi satu perkhidmatan di Mahkamah Syariah sebagai alternatif kepada proses perbicaraan sejak tahun 2002 di Malaysia. Pelaksanaan sulh adalah antara idea dan usaha bagi peningkatan

perkhidmatan dan profesionalisme institusi kehakiman Syariah daripada aspek pengurusan kes yang telah diberi perhatian di Mahkamah Syariah kini (Raihanah Azahari, 2006). Pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah telah menerima unsur penambahbaikan dari tahun ke tahun daripada aspek perundangan dan inovasi pentadbiran serta infrastruktur. Penyelesaian kes di Mahkamah Syariah amat bergantung kepada kemahiran dan kompetensi pegawai sulh yang mengendalikan Majlis Sulh berdasarkan kepada prosedurnya yang formal. Dalam aspek pengendalian Majlis Sulh, pegawai syariah melaksanakannya secara fleksibel bagi mengemukakan penyelesaian secara berkesan dan sesuai dengan situasi setempat dan semasa (Said Bauheraoua, 2010).

Keberkesanan pelaksanaan sulh di mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diperolehi melalui peratusan yang tinggi kes berjaya diselesaikan melalui pendekatan sulh. Sulh juga mampu mengurangkan kes-kes tertangguh yang menjejaskan reputasi Mahkamah Syariah selama ini (Adzidah Yaakob et al., 2016). Namun pelaksanaan sulh dalam kes-kes tuntutan melibatkan hartanah sentiasa berhadapan dengan isu-isu perundangan dan pentadbiran yang boleh menjejaskan matlamat sulh bagi mempercepatkan penyelesaian kes. Berpanduan kepada Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010, hanya kes harta sepencarian yang melibatkan tuntutan hartanah disenaraikan bagi diagihkan kepada Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran. Kes-kes lain yang melibatkan pertikaian melibatkan hartanah seumpama pengesahan hibah, wakaf dan wasiat tidak disenaraikan. Situasi sedemikian memerlukan kepada satu garis panduan yang seragam bagi merangka pendekatan berkesan dan memperkasakan pelaksanaan sulh bagi kes-kes hartanah di seluruh Mahkamah Syariah.

Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) adalah suatu dokumen bertulis yang tidak tergolong dalam perundangan statutori dan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKSM atau ketua Hakim Syarie berkaitan dengan prosedur atau polisi yang mana ia perlu diikuti dan dipatuhi. (Mazni Abdul Wahab et al., 2012). Pemakaian Arahan Amalan dapat mengatasi permasalahan ketidakseragaman pentadbiran dan amalan proses kehakiman yang wujud di mahkamah Syariah. Implikasi mewujudkan Arahan Amalan di Mahkamah Syariah adalah dapat menyegerakan penyelesaian kes, menyeragamkan pentadbiran Mahkamah Syariah, menyediakan kemudahan rujukan kepada para hakim untuk melaksanakan proses kehakiman dan sebagainya bagi mencapai objektif *maqasid al-Syari'ah* (Mazni Abdul Wahab, 2014).

Pemakaian Arahan Amalan dapat menyeragamkan peraturan antara Mahkamah-Mahkamah Syariah dan menampung kekurangan yang terdapat dalam undang-undang serta menyejajarkan penyelesaian kes (Sheikh Ghazali Haji Abdul Rahman, 2005). Arahan Amalan diperlukan bagi dijadikan panduan kepada para hakim dan peguam syarie dalam aspek pelaksanaan sesetengah peruntukan undang-undang dan hukum syarak. Berpanduan kepada kes *JHI lwn YMG Kes Mal MTSWP 14700-099-0152-2008* (tidak dilaporkan), hakim bicara telah menegaskan bahawa Arahan Amalan bukan merupakan statut atau undang-undang, namun Arahan Amalan adalah satu panduan kepada mahkamah dan pengamal undang-undang di dalam menentukan bidang kuasa berkaitan dengan permohonan yang dibuat.

Sehubungan dengan itu, Arahan Amalan yang dipersetujui dalam agenda mesyuarat ketua-ketua hakim adalah mengikat pada sudut pentadbiran di semua mahkamah (Ahmad Hidayat, 2007). Pada sudut pandang yang berbeza, kedudukan Arahan Amalan diwujudkan adalah untuk menjelaskan peruntukan Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang kurang jelas dan pelaksanaannya secara praktikal di Mahkamah Syariah (Mohd Nazri Abd Rahman, 2010).

Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah merupakan undang-undang prosedur yang dirujuk oleh hakim bagi mendengar dan membicarakan kes-kes pertikaian melibatkan orang Islam. Selain daripada melalui proses litigasi, pendekatan sulh telah diperuntukkan di dalam Seksyen 99, Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) bagi membenarkan perundingan antara kedua-dua pihak untuk menyelesaikan pertikaian pada mana-mana peringkat prosiding. Dalam konteks kajian, sulh yang dimaksudkan adalah merujuk kepada majlis sulh iaitu satu forum perundingan dipimpin secara formal yang diatur oleh mahkamah berdasarkan kepada prosedur tertentu (Zaini Nasohah et al., 2010).

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah yang berpunca kuasa daripada undang-undang prosedur Mal Mahkamah Syariah dan Kaedah Tatacara Mal (Sulh) telah diberi garis panduan secara lebih terperinci melalui pemakaian Arahan Amalan (Wan Azimin & Ahmad Hidayat Buang, 2019). Penyelarasan pelaksanaan sulh yang seragam dibuat melalui Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang kemudiannya diterima pakai oleh semua Mahkamah Syariah.

Penulisan artikel ini adalah bertujuan untuk menganalisis kedudukan Arahan Amalan yang berkaitan dan pemakaiannya dalam pelaksanaan sulh di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia khususnya dalam kes-kes tuntutan melibatkan hartanah. Beberapa tajuk perbincangan diletakkan di dalam lima tajuk yang khusus iaitu Amalan berkaitan sulh, pemakaian dan penentuan kes sulh, analisis status perjanjian sulh dan perintah penghakiman persetujuan serta cadangan penambahbaikan sulh melalui Arahan Amalan.

Arahan-arahan Amalan Berkaitan Sulh

Status Arahan Amalan adalah satu surat pekeliling yang tiada kuasa undang-undang sepertimana statut dan undang-undang tetapi merupakan satu arahan yang perlu dipatuhi selagi tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan undang-undang. Arahan Amalan adalah satu garis panduan atau arahan pentadbiran dalam urusan keseragaman dalam penggunaan budi bicara para hakim dan pegawai undang-undang atau untuk kelancaran urusan pengendalian kes-kes di mana-mana peringkat mahkamah.

Kebanyakan Arahan Amalan yang digunapakai dan dikuatkuasakan oleh seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia telah dikeluarkan dan diselaraskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Walau bagaimanapun, bagi tujuan penguatkuasaan di Mahkamah Syariah di Negeri-negeri, Ketua Hakim Syarie di negeri-negeri perlu mengendorskan arahan tersebut terlebih dahulu. Pengendorsan Ketua Hakim Syarie negeri merupakan sumber autoriti di Mahkamah Syariah untuk memastikan ianya berkuatkuasa dan diterima pakai di peringkat negeri. Walaupun demikian, Mahkamah Syariah negeri masing-masing boleh membuat Arahan Amalan untuk diguna pakai di negeri sendiri selaras dengan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Hasil kajian dokumentasi mendapati terdapat 14 Arahan Amalan yang berkaitan dengan pelaksanaan sulh secara langsung. Jadual 1 dibawah menunjukkan senarai 14 Arahan Amalan tersebut yang telah dikeluarkan oleh pihak JKSM bermula daripada tahun 2002 hingga tahun 2020. Kewujudan Arahan Amalan tersebut menjadi panduan pelaksanaan sulh yang seragam di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Arahan Amalan tersebut memberi kesan yang positif kepada kelancaran dan penyeragaman pelaksanaan sulh di seluruh Malaysia.

Jadual 1

Senarai Arahan Amalan berkaitan Sulh

Bil.	Arahan Amalan	Tajuk
1.	Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002	Pemakaian Sulh
2.	Arahan Amalan No. 7 Tahun 2003	Cara menyimpan dan Melupakan Catatan Pegawai Sulh
3.	Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003	Prosedur Penyerahan Notis Sulh
4.	Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005	Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Di Dalam kes-kes Sulh dan Persetujuan Bersama
5.	Arahan Amalan No. 15 Tahun 2005	Pengguguran Nafkah Iddah dan Muta'ah Di dalam Perjanjian Persetujuan
6.	Arahan Amalan No. 4 Tahun 2006	Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh
7.	Arahan Amalan No.5 Tahun 2006	Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh
8.	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2008	Kehadiran pihak-pihak di hadapan Hakim semasa Perintah Persetujuan Dibuat
9.	Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010	Penentuan kes Yang perlu Dirujuk ke Majlis Sulh pada Peringkat Pendaftaran Kes
10.	Arahan Amalan No. 4 Tahun 2010	Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh
11.	Arahan Amalan No. 2 Tahun 2010	Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan Yang Dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-pihak
12.	Arahan Amalan No.7 Tahun 2015	Penyeragaman proses kerja dan Carta Aliran Sulh Di JKSN/MSN Seluruh Malaysia
13.	Arahan Amalan No. 9 Tahun 2015	Kehadiran Salah Satu Pihak di hadapan Hakim Semasa Perintah Persetujuan Dibuat
14.	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2020*	Keutamaan Pengendorsan Melalui Laluan Pantas Perjanjian Persetujuan Yang Berjaya Diselesaikan Melalui Majlis Sulh

Sumber: Buku Kompilasi Arahan-arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2000-2016

*Tambahan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2020

Berdasarkan kepada senarai Arahan Amalan tersebut, terdapat empat kumpulan Arahan Amalan dapat dikategorikan. Pembahagian kategori tersebut menunjukkan aspek-aspek tumpuan yang khusus diberikan bagi penyeragaman proses dan penyelesaian kes-kes sulh secara berkesan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia. Kategori yang dimaksudkan adalah aspek pemakaian sulh dan bidang kuasa mahkamah berkaitan, penentuan kes-kes sulh, proses kerja sulh serta status perjanjian dan perintah penghakiman persetujuan. Namun pemakaian Arahan Amalan tersebut adalah tidak terhad dan masih

dilaksana secara fleksibel bergantung kepada situasi dan keperluan kes serta diguna pakai bersama Arahan Amalan yang berkaitan. Semakan dan penambahbaikan terhadap Arahan Amalan tersebut sentiasa dibuat selepas mendapat maklum balas daripada pegawai sulh dan kelulusan mesyuarat yang berkaitan.

Pemakaian Arahan Amalan di Mahkamah Sivil bagi pelaksanaan mediasi berbeza dengan Arahan Amalan yang dijadikan asas rujukan sebagai panduan pelaksanaan sulh secara terperinci dan seragam di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Bersesuaian dengan perutusan Ketua Hakim Negara supaya menjadikan mediasi sebagai mekanisme bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan mengurangkan kes-kes tertangguh di Mahkamah Sivil dengan berpandukan Arahan Amalan yang telah dikeluarkan (Tun Ariffin Zakaria, 2015). Sehubungan dengan itu, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2016 diperkenalkan bagi memberi arahan secara umum kepada semua hakim di Mahkamah Sesyen dan Majistret serta Penolong Pendaftar bagi memudahkan pihak-pihak untuk menggunakan kaedah mediasi pada peringkat pra bicara dan pengurusan kes. Arahan Amalan tersebut menjelaskan tiga bentuk pelaksanaan mediasi iaitu di bawah pengendalian hakim, Pusat Arbitrasi Kuala Lumpur dan Pusat Mediasi di bawah Majlis Peguam (Dahlan et al., 2021).

Pemakaian dan Penentuan Kes Sulh berkaitan Hartanah

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 menyatakan tentang pemakaian sulh bagi semua kes melainkan kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan dan penentuan nasab. Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 telah menyenaraikan kes-kes yang perlu dirujuk kepada Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran kes. Kes-kes yang perlu dirujuk kepada Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran adalah kes tuntutan *mut'ah*, nafkah *'iddah*, nafkah tertunggak, harta sepencarian, hutang mas kahwin, tuntutan hak penjagaan anak (*ḥaḍānah*), tuntutan nafkah anak, tuntutan mas kahwin, tuntutan nafkah anak, permohonan perintah nafkah kanak-kanak dan permohonan pelaksanaan perintah mahkamah.

Walaupun kes-kes perceraian tidak disenaraikan sebagai kes yang perlu dirujuk kepada majlis sulh, namun mengikut budi bicara hakim dan selaras dengan peruntukan seksyen 99 Akta/ Enakmen Tatacara

Mal Mahkamah Syariah, hakim boleh mengarahkan untuk kes tersebut dirujuk kepada melalui majlis sulh, khususnya apabila pihak-pihak memohon untuk mencapai persetujuan di dalam syarat-syarat yang dikemukakan sebelum bercerai (Sheikh Muhamad Faizal bin Mahayadin, 2020). Berdasarkan penilaian kepada senarai 18 kes yang telah ditentukan untuk agihan ke majlis sulh di peringkat pendaftaran, didapati hanya kes harta sepencarian yang melibatkan tuntutan kes berkaitan dengan hartanah. Kes pengesahan hibah dan harta asal perkahwinan tidak termasuk di dalam senarai yang dinyatakan di dalam Arahan Amalan No. 1 Tahun 2010 tersebut.

Implikasi daripada Arahan Amalan ini, selain menilai aspek *locus standi* pihak menuntut dan bidang kuasa mahkamah, pendaftar mahkamah juga memastikan hanya kes-kes yang tersenarai dalam Arahan Amalan berkaitan bagi dikeluarkan notis kehadiran majlis sulh kepada pihak-pihak. Aplikasi sistem E-Syariah akan mengagihkan kes tersebut untuk tindakan pegawai sulh pada masa yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis kehadiran majlis sulh. Penggunaan sistem E-Syariah telah membantu secara langsung pegawai sulh dari segi mempercepatkan pengurusan kes sulh seperti aspek penyediaan dokumen perjanjian persetujuan dan laporan kes sulh.

Dalam aspek penyediaan perjanjian persetujuan, pegawai sulh masih tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah terbabit. Arahan Amalan No. 11 Tahun 2005 memberi satu panduan kepada pegawai sulh atau hakim Mahkamah Rendah Syariah supaya tidak merekodkan apa-apa perkara di dalam perjanjian persetujuan atau sulh yang termasuk di dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah seperti kes *ḥaḍānah*, harta sepencarian atau apa-apa kes mal yang melebihi daripada bidang kuasa Mal Mahkamah Rendah Syariah.

Isu *locus standi* atau bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi membicarakan kes-kes yang mempunyai pertindihan bidang kuasa dengan institusi-institusi pentadbiran harta lain yang memerlukan Arahan Amalan yang jelas agar isu konflik bidang kuasa ini dapat diselesaikan. Di dalam kes pentadbiran pusaka orang Islam turut mencetuskan keraguan dalam kalangan orang awam bagi mendapatkan penyelesaian kes tuntutan harta pusaka mereka. Kadar nilai harta dan jenis harta yang terlibat sama ada yang berwasiat atau tidak berwasiat

dapat menentukan bidang kuasa institusi-institusi yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka yang berkenaan (Muhammad Amrullah Nasrul et al., 2017).

Memandangkan isu bidang kuasa dan konflik berkaitan pentadbiran hartanah orang Islam tersebut, maka Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mewujudkan beberapa Arahan Amalan yang khusus bagi melicinkan pengurusan kes harta sepencarian. Jadual 2 menyenaraikan Arahan Amalan yang berkaitan dengan harta sepencarian. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2016 dikeluarkan bagi menjelaskan bahawa pihak yang menuntut kes harta sepencarian perlu memenuhi seksyen 2 dan 4 Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam berkaitan status pemukiman dan permastautinan pihak yang menuntut. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2016 tidak membatalkan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2003 yang menyebut tuntutan harta sepencarian hendaklah dituntut di mahkamah yang berbidang kuasa dalam negeri di mana perintah atau pengesahan perceraian dikeluarkan. Bidang kuasa mahkamah negeri yang terlibat adalah bukan sahaja berdasarkan kepada tempat berlaku perceraian, tetapi mengambil kira permastautinan dan kesusahan pihak-pihak (Mohd Nazri Abdul Rahman, 2020).

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2003 diwujudkan bagi menjelaskan masa dibolehkan membuat tuntutan harta sepencarian iaitu semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Dalam kes tuntutan harta sepencarian yang dibuat selepas kematian mana-mana pihak dalam tuntutan tersebut, maka rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh mahkamah yang lebih tinggi. Hak harta sepencarian si mati adalah berpindah kepada ahli waris dan boleh dituntut oleh waris sama ada berlaku perceraian hidup atau perceraian mati (Ibrahim Lembut, 2008).

Arahan Amalan No. 6 Tahun 2006 menjelaskan bahawa bidang kuasa bagi menentukan harta sepencarian sama ada harta alih dan tidak alih adalah tertakluk kepada Mahkamah Tinggi Syariah. Perincian butiran perintah Mahkamah Tinggi Syariah yang dikeluarkan berkaitan dengan hartanah diberi panduan melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2007. Dalam konteks ini, pegawai sulh perlu memastikan maklumat yang diperlukan bagi penyediaan perintah sedemikian turut dinyatakan

secara terperinci dalam butiran perjanjian persetujuan yang dirangka. Kedudukan peruntukan sedemikian ini bertepatan dengan status perintah Mahkamah Tinggi Syariah adalah termasuk dalam tafsiran ‘Mahkamah’ sebagaimana dalam peruntukan seksyen 421(A) Kanun Tanah Negara 1960. Berdasarkan kepada seksyen tersebut, perintah perletakhakan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah didaftarkan oleh pendaftar hak milik atau pentadbir tanah bagi maksud seksyen 417 dan 420 Kanun Tanah Negara 1960.

Jadual 2

Senarai Arahan Amalan berkaitan dengan Harta Sepencarian

Bil.	Arahan Amalan	Tajuk
1.	Arahan Amalan No. 5 tahun 2003	Masa dibolehkan Membuat Tuntutan Harta Sepencarian
2.	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2003	Penentuan Mahkamah yang Berbidang Kuasa Membicarakan Kes-Kes Harta Sepencarian
3.	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2006	Pindaan Arahan Amalan No.2 Tahun 2002 – Kes Hadhanah, Harta Sepencarian dan ex-parte di Mahkamah Tinggi Syariah
4.	Arahan Amalan No. 6 Tahun 2007	Butiran Perintah Harta Sepencarian Berbentuk Hartanah
5.	Arahan Amalan No. 4 Tahun 2016	Penentuan Mahkamah Yang Berbidang Kuasa Membicarakan Kes-Kes Harta Sepencarian

Sumber: Buku Kompilasi Arahan-arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2000-2016

Dalam penyelesaian kes hartanah yang menyentuh pelbagai isu perundangan dan konflik bidang kuasa, sulh menjadi satu mekanisme yang berupaya mengatasi permasalahan dan isu terbabit. Antara permasalahan yang berkaitan dengan hartanah adalah isu hartanah yang kompleks, sekatan pemilikan mengikut seksyen 4(2), Kanun Tanah Negara 1965 dan statut-statut yang berkaitan. Berdasarkan peruntukan seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, telah menyatakan tentang aspek sekatan pemilikan yang dimaksudkan. Seksyen 16 Akta tersebut menjelaskan bahawa tanah pegangan desa (*rural holding*) hanya boleh diturun

milik kepada seorang waris yang berhak sahaja. Dalam kes yang mempunyai lebih daripada seorang ahli waris yang berhak dan tiada persetujuan didapati bagi ditukar milik kepada salah seorang daripada mereka, maka pentadbir tanah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualannya dibahagikan kepada mereka yang berhak mengikut faraid. Namun dalam aspek pembahagian melibatkan pusaka atau harta sepencarian, syarat pemilikan tanah berkenaan perlulah diikuti.

Dalam *kes MM lwn AHAR dan 4 Yang Lain, Kes Mal MTSNS 05200-017-0285-2018 (tidak dilaporkan)*, persetujuan dicapai antara plaintif sebagai isteri kepada si mati dan defendan merupakan anak-anaknya. Penyelesaian persetujuan melalui majlis sulh ini dicapai secara damai dengan defendan yang tidak menuntut hak pemilikan ke atas hartanah tersebut, hasil terbitan atau manfaatnya. Sehubungan dengan itu, keseluruhan hartanah Felda berupa sebuah rumah dan tanah ladang yang terlibat diserahkan milik kepada plaintif yang disabitkan sebagai harta sepencarian.

Majlis sulh juga berupaya menyelesaikan kes-kes pertikaian melibatkan hartanah wakaf. Dalam *kes Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu lwn Tis 'Ata 'Ashar Sdn. Bhd [2010] 2 SHLR 181*, perjanjian persetujuan secara sulh diterima sebagai penyelesaian secara damai antara pihak-pihak. Dalam kes ini, hakim bicara menerima perjanjian penyelesaian yang ditandatangani dengan pihak defendan telah bersetuju terhadap semua tuntutan pihak plaintif. Pihak-pihak bersetuju supaya hartanah yang berkaitan tidak boleh dipindah milik oleh pihak defendan kepada mana-mana pihak ketiga.


Penyeragaman Proses Kerja Sulh

Penyeragaman proses kerja sulh telah diselaraskan melalui Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015 yang memperincikan setiap tindakan dan proses kerja dengan carta aliran yang lengkap. Penyelarasan proses kerja ini adalah satu tindakan yang proaktif oleh pihak JKSM untuk melihat keseragaman di dalam proses pelaksanaan sulh yang lebih teratur dan berkesan diseluruh negara bagi mencapai tujuan sulh itu sendiri untuk mempercepatkan dan memudahkan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Syariah. Carta alir proses pelaksanaan sulh tersebut amat membantu pegawai-pegawai sulh memainkan peranan mereka. Melalui carta aliran tersebut dijelaskan secara terperinci setiap proses kerja dan tindakan pihak-pihak yang terlibat dalam tempoh masa yang

diperuntukkan bermula daripada urusan kaunter pendaftaran, agihan kes kepada pegawai sulh, tindakan bagi kategori kes yang berjaya, gagal dan tidak hadir hingga kepada peringkat laporan dan penyediaan draf perintah persetujuan hakim. Rajah 1 berikut adalah gambaran ringkas aliran proses kerja sulh yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah berpandukan kepada Arahan Amalan No. 7 Tahun 2015.

Rajah 1

Aliran Proses Pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah



Sumber: Laman Sesawang Portal E-Syariah <http://www.esyariah.gov.my/portal/page/> dicapai pada 5hb September 2021

Kedudukan status dan kaedah penyampaian notis sulh dinyatakan dalam Arahan Amalan No. 8 Tahun 2003 yang menyatakan tentang

penghantaran notis sulh disifatkan sama dengan penyampaian saman. Arahan Amalan tersebut memudahkan Pegawai Sulh yang terbabit untuk membuat sebarang tindakan terhadap sebarang laporan penyampaian notis yang diterima. Apabila laporan notis sulh yang sempurna diterima sepertimana laporan penyampaian saman biasa yang sempurna, ketidakhadiran pihak-pihak akan mempengaruhi tindakan pegawai sulh selanjutnya. Kes tersebut berkemungkinan akan terus dikemukakan untuk tindakan hakim bicara atau notis kehadiran kedua dikeluarkan bagi sesi sulh akan datang selagi belum melebihi tempoh masa 90 hari yang masih dalam tindakannya.

Analisis Status Perjanjian Sulh dan Perintah Penghakiman Persetujuan

Arahan Amalan No 4 Tahun 2006 menyatakan tentang perjanjian persetujuan yang dibuat dalam majlis sulh hendaklah dijadikan perintah terlebih dahulu untuk tujuan penguatkuasaan. Arahan Amalan No. 5 tahun 2006 telah menyatakan dengan jelas status perjanjian persetujuan sulh yang telah menepati hukum syarak dan direkodkan serta disahkan oleh mahkamah tidak boleh ditarik balik. Pihak-pihak juga tidak boleh merayu bagi kes-kes persetujuan yang telah dikeluarkan perintah oleh mahkamah.

Pada sudut kuasa hakim, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa situasi perundingan secara bertolak ansur dalam sesi sulh tidak akan dijadikan perintah sekiranya hakim bicara yang memutuskan kes mendapati hak kepada mana-mana pihak yang berkecualan dikurangkan sehingga mendatangkan ketidakadilan. Asas dalam penghakiman kes yang telah mencapai persetujuan, hakim tidak mempunyai hak untuk mempertikaikan terma-terma perjanjian yang telah dipersetujui berasaskan kepada perundingan yang telah dijalankan selagi ianya menepati hukum syarak dan undang-undang. Peranan hakim dalam konteks ini adalah memastikan pihak-pihak sedar dan sukarela tanpa ada paksaan daripada mana-mana pihak di dalam menyatakan persetujuan sebagaimana didalam perjanjian sulh yang ditandatangani dan mematuhi (Essam Al-Sheikh, 2011).

Dalam kes *Tauran bin Abdul Hamid v Junaida bt Isa* [2012] 1 SHLR 76, Perjanjian persetujuan telah dicapai bagi memasukkan harta-harta ketinggalan di atas perjanjian persetujuan dalam kes tuntutan harta sepencarian yang telah dilaksanakan oleh pihak plaintif dan

defendan yang kedua-duanya telah meninggal dunia. Penghakiman persetujuan yang telah dicapai ini menjelaskan bahawa mekanisme sulh adalah berperanan menyelesaikan aspek yang rumit dan persoalan berkaitan bidang kuasa yang boleh mendatangkan konflik dari sudut perundangan sekiranya kes ini dibicarakan. Perintah penghakiman persetujuan ini mengikat pihak-pihak dan perintah Mahkamah Syariah ini perlu dilaksanakan oleh pihak pentadbir tanah yang berkaitan selaras dengan peruntukan undang-undang. Dalam kes ini, hakim bicara telah menilai syarat-syarat yang memenuhi kesahihan sulh sebagai penyelesaian kes. Berdasarkan kepada persetujuan pihak defendan terhadap kesemua tuntutan plaintif, beliau berpandangan bahawa syarat-syarat sulh tersebut telah dipenuhi. Hakim Ismail Yahya telah menyatakan:

“Mengikut hukum syarak, sulh ada mempunyai syarat-syaratnya. Ada syarat ke atas orang yang terlibat dan ada juga syarat ke atas harta yang disulhkan itu. Mengikut syarat-syarat yang telah diuraikan oleh ahli perundangan Islam, saya berpuas hati bahawa tindakan defendan bersetuju atas kesemua tuntutan plaintif itu, telah pun memenuhi syarat-syarat orang/pihak yang terlibat dan syarat-syarat harta yang disulhkan itu, Oleh yang demikian, saya dengan ini membuat perintah-perintah di dalam tuntutan ini berdasarkan sulh atau persetujuan bersama antara plaintif dan defendan.”

Keputusan hakim bicara ini menjelaskan bahawa pelaksanaan sulh adalah bersifat fleksibel dan lebih ringkas dengan defendan hanya menyatakan persetujuan terhadap apa yang dituntut di dalam pliding penyata tuntutan plaintif. Proses sulh tidak lagi perlu melalui prosedur yang telah ditetapkan di dalam Kaedah Tatacara Mal (Sulh) atau manual kerja sulh yang turut memakan masa. Tujuan dan matlamat sulh untuk memendekkan masa mahkamah dan pihak-pihak dapat dicapai melalui pendekatan sedemikian yang turut menepati rukun-rukun dan syarat-syarat harta yang disulhkan mengikut hukum syarak.

Perintah penghakiman persetujuan dikeluarkan setelah hakim berpuas hati bahawa penyelesaian kes secara sulh telah dicapai oleh kedua-dua pihak. Perintah penghakiman persetujuan tersebut adalah mengikat pihak-pihak untuk dikuatkuasakan. Sesuatu perintah persetujuan yang telah dikeluarkan tidak boleh ditarik balik dan dirayu melainkan

dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Namun semakan kehakiman terhadap perintah-perintah tersebut adalah dibenarkan bagi tujuan menegakkan keadilan.

Perintah penghakiman persetujuan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah berasaskan kepada seksyen 131 Akta/ Enakmen Tatacara Mal Syariah. Penyeragaman perintah berkaitan dengan hartanah adalah satu keperluan bagi memudahkan pihak pendaftar hak milik atau pentadbir tanah jajahan atau Pejabat Tanah dan Galian (PTG) menguatkuasakan perintah penghakiman Mahkamah Syariah. Sehubungan dengan itu, satu Arahan Amalan dikeluarkan dengan perincian butiran perintah Mahkamah Tinggi Syariah yang dikeluarkan berkaitan dengan hartanah diberi panduan melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2007.

Perintah yang dikeluarkan oleh hakim bicara bagi kes-kes melibatkan hartanah khususnya dalam kes harta sepencarian perlu mengandungi butiran yang telah digariskan. Maklumat tentang hartanah dan bahagian hak milik tuan tanah yang berdaftar menjadi perkara terpenting bagi dimasukkan ke dalam perintah penghakiman. Pembahagian hartanah yang disabitkan sebagai harta sepencarian kepada pihak-pihak dan bahagian masing-masing ditentukan dalam perintah penghakiman tersebut.

Sebarang usaha menfailkan semula kes bagi tujuan meminda kembali perintah persetujuan di dalam tindakan kausa yang sama menghadapi risiko bercanggah dengan prinsip *res judicata* yang telah diperuntukkan di dalam statut. Prinsip *res judicata* ini telah menjelaskan bahawa apabila mahkamah yang kompeten telah membuat keputusan mengenai sesuatu perkara, ia tidak boleh dibicarakan sekali lagi oleh mana-mana mahkamah dalam kausa tindakan yang sama selepas itu sama ada di Mahkamah Syariah atau Sivil.

Seksyen 94 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998:

“94. Jika dengan persetujuan pihak-pihak sesuatu tindakan telah diselesaikan, Mahkamah boleh pada bila-bila masa dengan persetujuan pihak-pihak itu merekodkan hakikat penyelesaian itu dengan termanya dan rekod penyelesaian itu hendaklah menjadi

pembelaan dengan cara res judicata dalam tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang pada matannya sama.”

Prinsip *res judicata* adalah bertujuan untuk menghalang pihak-pihak yang sama membangkitkan isu yang sama ke mahkamah yang kompeten. Mana-mana mahkamah tidak boleh membicarakan sekali lagi sesuatu isu yang telah dibicarakan dan diputuskan yang sebelumnya perkara tersebut telah dibicarakan oleh pihak-pihak yang sama. Maksud dan prinsip *res judicata* ini turut diperjelaskan dalam Arahan Amalan No. 14 Tahun 2002 yang menyatakan apa-apa keputusan kes atau isu yang sama oleh pihak-pihak yang sama yang dikeluarkan terdahulu oleh mahkamah sesebuah negeri hendaklah dihormati oleh semua peringkat mahkamah di negeri lain. Prinsip *res judicata* diterima pakai di dalam sistem kehakiman Islam di atas asas menegakkan keadilan. Namun sekiranya wujud di dalam keputusan kehakiman yang terdahulu unsur ketidakadilan dan penipuan, maka Islam membenarkan kes berkaitan dibuka semula bagi tujuan menegakkan keadilan (Noor Inayah Yaakub, 1999).

Dalam kes *Ahmad bin Ngah dan Seorang Lagi lwn. Asmara binti Sulung dan 6 Orang Lagi* [2013] JH36 BHG.2 1435H, perayu telah terhalang di bawah prinsip *res judicata* untuk membawa tindakan pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah dengan alasan perayu telah membuat tuntutan ke atas hartanah tersebut terhadap responden-responden yang sama dalam kes di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Terengganu.

Walaupun pada hukum asalnya perintah persetujuan secara sulh tidak boleh dirayu, tetapi di dalam sesetengah kes, semakan terhadap keputusan dan perintah hakim itu masih boleh dibuat semakan kehakiman. Dalam kes *MZMZ lwn RM, Kes Mal MRSK* Kes 03000-003-0003-2016 (*tidak dilaporkan*), Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan yang telah mensabitkan harta dom dan mengenakan bayaran sebanyak RM33,305.10 ke atas defendan bagi membayar harga harta dom tersebut. Perintah ini adalah perintah persetujuan melalui persetujuan lisan plaintif dan suratakuan berkanun defendan tanpa kehadiran defendan. Mahkamah rayuan mendapati bahawa keputusan Mahkamah Tinggi Syariah tersebut adalah meragukan kerana tidak mengikut prosedur dan tandatangan pihak plaintif

di dalam perjanjian persetujuan tersebut adalah tidak dibuat di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu. Kehadiran pihak-pihak di hadapan hakim bagi mengesahkan persetujuan yang dicapai menjadi kemestian sebelum perintah persetujuan dikeluarkan oleh hakim bicara. Pengecualian kehadiran salah satu pihak hanya diberikan apabila affidavit persetujuan yang dibuat di hadapan Hakim Syarie dikemukakan walaupun tanpa kehadirannya.

Dalam *kes NRWA lwn DAKA, Kes Mal MRSWP Kes 14200-017-0354-2007 (tidak dilaporkan)*, plaintif dan defendan telah berkahwin pada 5 November 1965 dan bercerai pada 30 Mei 2007. Plaintif telah menuntut harta-harta yang terdiri daripada harta alih dan harta tidak alih sebagai harta sepencarian antara plaintif dan defendan berdasarkan sumbangan yang telah diberikan oleh plaintif dalam memperolehi harta-harta tersebut. Kes ini telah mencapai persetujuan sulh melalui satu perjanjian persetujuan iaitu defendan bersetuju menyerahkan semua harta yang dituntut tersebut kepada pihak plaintif. Perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak itu telah disahkan oleh hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dikeluarkan perintah penghakiman persetujuan.

Namun semakan kehakiman telah dibuat oleh defendan terhadap persetujuan tersebut yang didakwa beliau tidak menyedari tentang persetujuan yang diberikan olehnya melalui penyerahan kesemua harta-harta yang telah dituntut oleh plaintif. Oleh itu, defendan telah memohon untuk membatalkan perjanjian persetujuan yang telah dibuat di dalam Majlis Sulh di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Namun Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak semakan yang dipohon tersebut kerana berpandangan bahawa persetujuan yang ditandatangani oleh defendan dan pemohon adalah sah, dibuat dengan suci hati tanpa ada apa-apa bukti menunjukkan wujudnya suasana paksaan, keadaan defendan yang tidak sedarkan diri atau sebagainya. Mahkamah Rayuan Syariah telah menolak permohonan semakan kehakiman pemohon dan mengekalkan persetujuan yang telah dimeterai. Kes ini membuktikan perintah yang dikeluarkan di atas persetujuan sulh secara sedar dan sukarela tidak boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak tanpa persetujuan kedua-duanya. Namun bagi tujuan menjamin keadilan, termasuk membatalkan perintah penghakiman persetujuan yang dikeluarkan boleh dibuat semakan kehakiman di Mahkamah Rayuan melalui prosedur yang ditentukan.

Kajian yang telah dilaksanakan turut mengkaji bentuk-bentuk semakan kehakiman ke atas perintah penghakiman persetujuan berpandukan kepada kes-kes yang telah diputuskan secara sulh. Melalui analisis terhadap penghakiman kes-kes semakan kehakiman mendapati terdapat empat kategori kes yang dirujuk kepada Mahkamah Rayuan Syariah bagi maksud mencapai keadilan kepada pihak-pihak. Berdasarkan kepada analisis kandungan terhadap alasan penghakiman kes-kes tersebut, semakan kehakiman ini dibuat bagi mempertikaikan aspek teknikal perintah penghakiman itu dikeluarkan. Kes-kes ini membuktikan bahawa semakan terhadap perintah penghakiman di atas perjanjian persetujuan di dalam majlis sulh adalah dibenarkan oleh mahkamah bagi menjamin keadilan kepada pihak-pihak.

Merujuk kepada Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014, semakan kehakiman yang ingin dikemukakan kepada mahkamah yang lebih atas perlulah diasaskan kepada perkara-perkara teknikal yang melibatkan prosedur. Selain terdapat peruntukan di dalam statut-statut yang tidak membenarkan rayuan terhadap perintah persetujuan, hukum syarak telah menggariskan bahawa perjanjian antara pihak-pihak adalah satu kewajipan yang perlu dipenuhi. Merombak kembali perjanjian bersama antara pihak-pihak yang bertikai tanpa persetujuan kedua-duanya adalah ditegah kerana ia bercanggah dengan tujuan asas akad sulh itu sendiri, iaitu untuk mencapai persetujuan secara damai.

Analisis yang telah dibuat ke atas penghakiman kes-kes semakan kehakiman di Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia, terdapat empat jenis semakan kehakiman melibatkan kes-kes tuntutan hartanah yang telah mencapai persetujuan secara sulh seperti berikut:

a) Semakan Terhadap Perintah Penghakiman Persetujuan

Terdapat satu kes semakan kehakiman yang difailkan oleh pihak Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Kelantan untuk semakan terhadap perintah penghakiman persetujuan kes tuntutan harta sepencarian *NHNK lwn NIWA dan 10 yang lain Kes Mal MTSK Kes 03200-017-0097-2019*. Dalam kes semakan kehakiman *FAZMB dan 2 Yang lain lwn. NHNK dan 11 yang lain Kes Mal MRSNK Kes 03000-003-0028-2019 (Tidak dilaporkan)*, Plaintiff 1 adalah pendaftar hak milik tanah PTG Kelantan dan Plaintiff 1 serta Plaintiff 2 adalah pentadbir tanah yang diperintahkan di dalam perintah penghakiman persetujuan bagi melaksanakan perintah pembahagian harta sepencarian oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Dalam kes tuntutan harta sepencarian, plaintif adalah isteri kepada arwah si mati dan sebelas defendan yang lain adalah anak-anak kandung plaintif yang bersetuju di dalam majlis sulh di atas pensabitan dan pembahagian keseluruhan harta sepencarian yang disenaraikan. Penyelesaian telah dipersetujui di dalam majlis sulh melalui perjanjian persetujuan yang telah ditandatangani. Mereka bersetuju kesemua senarai harta-harta tersebut disabitkan sebagai harta sepencarian di atas sumbangan secara langsung dan tidak langsung plaintif dan arwah si mati dalam memperoleh harta tersebut serta memajukannya. Persetujuan di atas hartanah tersebut menepati maksud harta sepencarian mengikut seksyen 122 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002 iaitu merangkumi aset-aset yang diperolehi dengan usaha bersama pihak-pihak dalam masa perkahwinan atau harta yang dipunyai oleh salah satu pihak sebelum perkahwinan yang telah dimajukan pada sebahagian besar dalam masa perkahwinan tersebut oleh pihak satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.

Kadar 1/3 daripada nilai harta sepencarian tersebut dipersetujui diserahkan kepada plaintif dengan perincian senarai harta yang dipersetujui dengan kaedah pembahagian yang disepakati secara terperinci di atas setiap harta-harta alih dan harta tidak alih. Baki harta sepencarian tersebut dibahagikan kepada semua ahli waris dengan masing-masing menandatangani setiap bahagian tersebut sebagai persetujuan penyelesaian. Sehubungan dengan perintah penghakiman persetujuan dari Mahkamah Tinggi Syariah tersebut, satu perintah persetujuan turut telah diperolehi daripada Hakim Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu bersabit dengan perlantikan pentadbir hartanah-hartanah si mati tersebut dan mengesahkan perintah pembahagian harta sepencarian yang telah dikeluarkan.

Namun Pentadbir Tanah PTG dan Pejabat Tanah Jajahan Kota Bharu tidak mahu melaksanakan pembahagian harta sepencarian melalui perintah penghakiman persetujuan yang dikeluarkan kerana mendakwa ia adalah pembahagian harta pusaka si mati dan bukan pembahagian harta sepencarian. Semakan kehakiman dibawa kepada Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan bagi mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam memutuskan pembahagian yang telah dibuat ke atas harta peninggalan si mati yang didakwa adalah terikat dengan peruntukan Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Dalam keputusan Mahkamah Rayuan Syariah telah memutuskan menolak semakan kehakiman kes tersebut kerana telah ada satu perintah persetujuan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya yang turut mengiktiraf perintah penghakiman persetujuan yang telah dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah berkaitan dengan harta sepencarian. Oleh itu, melalui perintah persetujuan tersebut, pentadbir tanah Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu dan Pendaftar hak milik tanah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan hendaklah mendaftarkan perintah tersebut.

Keputusan ini menjelaskan bahawa perintah penghakiman persetujuan yang telah dibuat secara terperinci pembahagian harta sepencarian tersebut adalah dibuat berdasarkan kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang berkaitan dan Mahkamah Tinggi Sivil mengesahkan pembahagian yang telah dibuat secara perintah persetujuan bagi tujuan pendaftaran kerana ia melibatkan harta peninggalan si mati di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Kes seumpama ini menjelaskan semakan penghakiman bagi mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah Syariah di dalam mengeluarkan perintah penghakiman persetujuan pensabitan harta sepencarian yang telah dicapai di dalam Majlis Sulh telah diterima dan dibicarakan. Namun Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan memutuskan semakan kehakiman tersebut ditolak.

b) Mempertikaikan atau Mengetepikan Perjanjian Persetujuan

Mempertikaikan dan mengetepikan perintah penghakiman persetujuan yang telah ditandatangani secara sukarela dan sukhati oleh kedua-dua pihak yang bertikai adalah bercanggah dengan kehendak hukum Syarak. Apabila pihak-pihak yang bertikai diberi peluang dan masa yang mencukupi untuk menyatakan hak-hak serta tanggungjawab perundangan masing-masing ketika menandatangani perjanjian persetujuan yang telah dirangka ketika sesi sulh, maka tidak timbul perintah persetujuan tersebut perlu dipertikaikan kembali dan dirungkaikan.

Dalam kes *Rayuan Saria Abdul Rahim lwn. Jaslina Abu* [2004] CLJ (Sya) 292 Mahkamah Rayuan Singapura menolak rayuan perayu untuk meminta aset-aset yang tidak dipertikaikan sebelumnya dimasukkan kembali di dalam perintah yang dipohon. Mahkamah berpandangan bahawa perayu semasa memeterai perjanjian penyelesaian menyedari bahawa responden mempunyai aset-aset lain selain rumah kelamin

yang dituntut dan telah berpuas hati dengan terma-terma perintah persetujuan tersebut. Oleh itu, hakim berpendapat tidak wajar baginya untuk mempertimbangkan kembali aset-aset tersebut selain berpandangan mengenenpikan perintah juga akan memprejudiskan responden kerana beliau telah pun menerima dan bertindak atas terma-terma persetujuan perintah yang telah dipersetujui pada masa lepas.

Perjanjian sulh adalah merupakan akad yang dibuat secara sukarela dengan tujuan menyelesaikan pertikaian dengan baik. Oleh itu, mempertikaikan perjanjian sulh dan merombaknya kembali tidak akan mencapai objektif memutuskan pertikaian yang digariskan oleh hukum syarak, khususnya dalam kes tuntutan melibatkan harta.

c) Membuat Pindaan terhadap Perintah Penghakiman yang Berbeza dengan Perjanjian

Dalam kes *NZZ lwn. MM Kes Mal MRSK Kes 030000-003-0003-2015 (Tidak dilaporkan)*, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan telah menerima rayuan Perayu bagi kes semakan penghakiman kes Mal Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kelantan No. 03100-099-0201-2013 berkaitan harta dom dan mengeluarkan perintah penghakiman persetujuan seperti yang terkandung di dalam perjanjian persetujuan bersama pihak-pihak. Dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan, hakim bicara hanya mengeluarkan perintah terhadap sesetengah perkara yang dipersetujui oleh pihak-pihak di dalam perkara yang bersangkutan-paut dengan kes harta dom sahaja tetapi tidak mengeluarkan perintah di dalam item-item yang dipersetujui yang lain termasuk pengesahan harta sepencarian.

Keputusan ini menjelaskan bahawa perintah penghakiman persetujuan adalah termasuk keseluruhan terma persetujuan perjanjian sulh yang telah ditandatangani oleh pihak-pihak. Hakim bicara perlu mengeluarkan perintah persetujuan seperti butiran perjanjian yang ditangani selagi hal tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang. Dalam kes ini, hakim telah memerintahkan agar pentadbir tanah untuk menguatkuasakan perintah perletakhakan dan mendaftar nama plaintif di dalam geran hak milik tanah tersebut.

d) Membatalkan Perintah Penghakiman Persetujuan Akibat Ketidakhadiran dan Tiada Wakalah

Dalam kes *SMHS lwn. MA dan lapan yang lain Kes Mal MRSWP Kes 14000-003-0048-2013 (Tidak dilaporkan)*, Mahkamah Rayuan

telah membatalkan perintah penghakiman persetujuan yang telah dibuat dalam kes Mal MTSWP No. 14600-017-0292-2013 atas sebab wakil yang mendakwa mewakili pihak yang menyatakan persetujuan itu tidak memenuhi syarat-syarat wakalah yang sepatutnya mengikut hukum syarak dan undang-undang. Dalam kes Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Kes Mal 14600-017-292-2013, hakim bicara telah terkhilaf dalam menerima persetujuan di atas anggapan bahawa semua defendan-defendan telah bersetuju walaupun defendan yang berkaitan tidak hadir.

Dalam kes ini, Mahkamah Rayuan mendapati tidak wujud sebarang keterangan sama ada di hadapan pegawai sulh atau di hadapan hakim bicara yang menunjukkan perwakilan dari responden keenam kepada responden kelapan. Anggapan yang dibuat oleh hakim bicara bahawa telah wujud perwakilan semata-mata kerana tiada sebarang bantahan dibuat semasa perkara ini dibangkitkan adalah sesuatu yang tidak tepat. *Sighah wakalah* perlu wujud secara jelas dan nyata. Oleh itu, persetujuan yang dibuat oleh responden kelapan bagi pihak responden keenam adalah tidak sah dan terbatal. Kes semakan kehakiman ini memberi satu garis panduan yang jelas secara tidak langsung kepada Pegawai Sulh dan hakim bicara untuk memastikan bahawa sebarang keterangan di atas persetujuan yang dibuat secara keterangan dengar cakap tanpa kehadiran pihak berkenaan perlu dikemukakan keterangan tentang wujudnya wakalah yang perlu disahkan.

Cadangan Penambahbaikan Arahan Amalan Berkaitan Sulh

Matlamat Mahkamah Syariah adalah mencapai keadilan kepada pihak-pihak yang bertikai dengan galakan supaya penyelesaian bersama secara sulh. Arahan Amalan yang berkaitan sulh secara langsung membantu Mahkamah Syariah dalam menyediakan proses kerja sulh yang lebih terperinci. Arahan Amalan yang dikeluarkan lebih menumpukan terhadap proses pengendalian sulh bagi mencapai penyelesaian kes, namun dalam aspek membantu mahkamah bagi pengurusan kes sebelum bicara tiada perincian khusus dijadikan sebagai Arahan Amalan. Sehubungan dengan itu, masih terdapat penambahbaikan yang perlu untuk memperkasakan peranan sulh dalam aspek pengurusan kes sulh yang berstatus gagal dan membantu melancarkan prosiding perbicaraan (Wan Azimin Adnan dan Ahmad Hidayat Buang, 2021). Oleh yang demikian, proses pengurusan kes perlu diperincikan bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan perbicaraan kes dalam Arahan Amalan yang khusus.

Beberapa kes semakan kehakiman ke atas perintah penghakiman persetujuan yang dianalisis menjelaskan pelaksanaan prosedur sulh masih mempunyai kelemahan pada aspek-aspek tertentu. Oleh yang demikian seharusnya prosedur penghakiman kes-kes sulh turut diberi garis panduan supaya objektif *maqasid syariyyah* sulh untuk mencapai persetujuan secara damai dapat direalisasikan. Akad sulh yang dinyatakan dalam perjanjian persetujuan secara bertulis seharusnya juga diiktiraf oleh pihak-pihak yang berautoriti selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak dan tidak boleh terbatal hanya dengan keputusan semakan kehakiman.

Isu wakalah bagi pihak-pihak yang ingin mewakili dirinya ke Majlis Sulh perlu diperincikan suatu kaedah yang sepatutnya. Wakalah yang dibuat perlu berasaskan kepada undang-undang atau bentuk yang boleh diterima mengikut hukum syarak. Wakalah yang dibuat perlu dikemukakan secara bertulis dan mempunyai tandatangan saksi-saksi. Selain daripada itu, kelonggaran bagi pihak-pihak menandatangani affidavit persetujuan hadapan hakim syarie di mana-mana mahkamah juga merupakan satu tindakan penyelesaian bagi isu tersebut.

Isu perundangan dan permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan sulh kes hartanah adalah berkaitan dengan hartanah yang kompleks, sekatan pemilikan mengikut seksyen 4(2), Kanun Tanah Negara 1965 dan statut-statut yang berkaitan seperti Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Sekatan pemilikan atau kaedah pembahagian yang terhad menjadi antara aspek perundangan yang perlu diberi perhatian oleh pegawai sulh dalam penyediaan perjanjian penyelesaian yang melibatkan hartanah. (Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang, 2021b). Dalam konteks ini, komitmen dan kemahiran pegawai sulh yang berpengetahuan dalam undang-undang tanah adalah satu keperluan. Namun menjadi satu keperluan yang lebih utama sekiranya wujud satu Arahan Amalan yang berkaitan dalam menyediakan garis panduan bagi merangka perjanjian penyelesaian kes-kes hartanah berkaitan. Hal ini dapat membantu pegawai sulh berperanan lebih cekap bagi mengatasi permasalahan perundangan tersebut.

Analisis terhadap statistik kes sulh menjelaskan bahawa isu ketidakhadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh merupakan faktor yang mempengaruhi peningkatan kadar kes yang berstatus gagal dan tertangguh. Sehubungan dengan itu, inovasi pentadbiran perlu

diterapkan dengan memperkenalkan pengendalian sulh dalam talian dengan penggunaan media elektronik dan ICT secara meluas. Pelaksanaan sulh dalam talian memberi kelonggaran kepada pihak-pihak yang terbabit untuk menggunakan perkhidmatan sulh secara persidangan video. Pendekatan ini dapat mengatasi isu ketidakhadiran pihak-pihak ke *Majlis* Sulh yang menyebabkan objektif perkhidmatan sulh tidak dapat dicapai.

Keperluan pendekatan sulh dalam talian ini menjadi lebih mendesak sejak teretusnya cabaran era pandemik Covid-19 kini. Situasi perkembangan penyebaran wabak yang melanda dunia secara meluas pada awal tahun 2020 telah membawa kepada norma baru di dalam kehidupan termasuk di dalam pengendalian mediasi atau sulh di mahkamah dengan mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan. Sehubungan dengan itu, mengadakan satu Arahan Amalan yang khusus menjadi satu keperluan bagi penyediaan garis panduan pengendalian sesi sulh secara dalam talian yang mematuhi peraturan yang digariskan tanpa menjejaskan prinsip kerahsiaan, keselamatan dan kesukarelaan.

Berdasarkan kepada perkembangan terkini pelaksanaan sulh secara dalam talian dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) pada 21 Mei 2020 semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lepas dalam suasana kekangan untuk mengadakan pertemuan *Majlis* Sulh secara bersemuka dan halangan dari merentas negeri dan arahan kuarantin. Pelaksanaan sulh dalam talian tersebut menggunakan perkhidmatan persidangan video yang telah dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Arahan Amalan yang berkaitan juga perlu diusahakan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai garis panduan bagi pelaksanaan sulh atas talian yang seragam di seluruh Mahkamah Syariah. Pengalaman pengendalian kes sulh secara dalam talian di mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara khususnya di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) boleh dijadikan rujukan dalam penyediaan garis panduan tersebut (Ahmad Mukhlis Mansor et al., 2020).

KESIMPULAN

Pemakaian Arahan Amalan yang berkaitan secara langsung dengan sulh mempengaruhi pelaksanaan sulh secara berkesan di Mahkamah

Syariah. Arahan Amalan tersebut tidak sahaja menyelaraskan pelaksanaan sulh yang seragam di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia tetapi turut memberi garis panduan terhadap keberkesanan penyelesaian dan pengurusan kes. Walaupun bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad dalam pentadbiran hartanah namun, pelaksanaan sulh dapat membantu mahkamah Syariah dan pihak-pihak dalam aspek mempercepatkan pengurusan dan penyelesaian kes tuntutan hartanah khususnya kes harta sepencarian.

Pemerhatian terhadap penghakiman kes-kes yang telah diputuskan mendapati bahawa usaha-usaha penambahbaikan terhadap Arahan Amalan yang sedia ada perlu dibuat bagi memenuhi keperluan semasa dan mendepani isu-isu pelaksanaan sulh yang dihadapi. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha peningkatan kompetensi pegawai sulh dan inovasi pentadbiran dalam proses keadilan di Mahkamah Syariah perlu dilaksanakan seiring dengan penerimaan masyarakat yang semakin meminati perkhidmatan sulh di Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh negara.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Adzidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd & Mustafa Afifi Ab Halim. (2016). Pengenalan dan keberkesanan sulh di Mahkamah Syariah. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang. (Ed.). (2007) Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan amalan. Penerbit Universiti Malaya, 146-147.
- Ahmad Mukhlis Mansor, Nora Abdul Hak & Roslina Che Soh. (2020). Online mediation in the Malaysian Shariah court: Its benefits and challenges. *INSLA E-Proceedings*. October, 3(1), 279-288.
- Dahlan, N. K., Md Said, M. H., & Rajamanickam, R. (2021). Mediation: Practice in the corporate world. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(1), 53.

- Drs Nasrul, M. A., Mohd Salim, W. N., Md Said, M. H., & Abdul Manap, S. N. (2017). Administration of estates in Malaysia: Jurisdiction and misconception. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 183-196.
- Essam A. Alsheikh. (2011). Distinction between the concepts mediation, conciliation, sulh, and arbitration in Sharī'ah Law. *Arab Law Quarterly*, 25, 367.
- Ibrahim Lembut. (2008). Kaedah dan keseragaman pembahagian harta sepencarian dalam harta pusaka Islam. *Jurnal Hukum*, 25(1), 1-53.
- Kompilasi Arahan-Arahan Amalan. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Tahun 2000 – 2016.
- Mazni Abdul Wahab, Ahmad Hidayat Buang & Narizan Abdul Rahman. (2012). Arahan amalan: Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia. *The Law Review*. Sweet & Maxwell Asia.
- Mazni Abdul Wahab. (2014). Pemerkasaan Mahkamah Syariah melalui pemakaian arahan amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Tesis Kedoktoran, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim. (2020). Pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah. Anaasa Publication.
- Mohd Nazri Abd. Rahman. (2010). Undang-undang tatacara Mal di Mahkamah Syariah: Prinsip dan amalan. Karya Kreatif Resources.
- Noor Inayah Yaakub. (1999). Res Judicata in the Malaysian Syariah court with special reference to the case of S Osman bin S Karim & Another v. AK Othman Shah bin PG Mohd. Yussof & Another. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 26(2), 250-252.
- Raihanah Hj Azahari. (2006). Modifikasi teori Sulh dalam Fiqh klasik berasaskan data-data kajian terbaru. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 17, 232.
- Ramizah Wan Muhamad. (2008). The theory and practice of sulh (mediation) in the Malaysian Syariah courts. *IIUM Law Journal*, 16, 33-35.
- Said Bouheraoua. (2010). Foundations of mediation in Islamic law and its contemporary application. In Muhammad Naqib Ishan Jan & Ashgar Ali (Eds.), *Mediation in Malaysia: The law and practice* (p. 385-386). LexisNexis.

- Sheikh Ghazali Abdul Rahman. (2005). Amalan-amalan pentadbiran di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, XX (II), November.
- Temubual penulis bersama dengan Sheikh Muhamad Faizal bin Mahayadin, Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Kedah pada 16 Mac 2020 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Alor Setar, Kedah.
- Tun Ariffin Zakaria. (2015). Speech by YAA Tun Ariffin Zakaria Chief Justice of Malaysia at the Opening Ceremony of the Legal Year 2015, 10 January 2015, Main Hall, Ministry of Finance, Putrajaya. *Malayan Law Journal*, 1, cxxxiii.
- Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang. (2019). Pelaksanaan sulh dalam kes melibatkan tuntutan hartanah orang-orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia: Tinjauan terhadap kajian lepas. *Journal of Shariah Law Research*, (1), 27-54.
- Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes tuntutan hartanah orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 131-158.
- Wan Azimin Wan Adnan & Ahmad Hidayat Buang. (2021b). Pelaksanaan sulh dalam kes tuntutan harta sepencarian melibatkan hartanah di Mahkamah Syariah Malaysia: Satu Analisis. *MJSL*, 9(1), 137-152.
- Zaini Nasohah, Wafaa Yusuf & Amir Husin Mohd. Nor. (2010). Pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah. Dalam Anwar Fakhri Omar, Zaini Nasohah & Abdul Basir Mohamad (Eds.), *Isu Perundangan Islam di Malaysia* (p. 74), Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubaidi Sulaiman & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Keabsahan dan pemakaian arahan amalan dalam pentadbiran kehakiman dari perspektif undang-undang Syariah dan Sivil: Suatu perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 33(1), 29–50.